

# Johor sambut baik jambatan ketiga

Jambatan persahabatan jadi platform terbaik, kukuhkan hubungan ekonomi Johor, Singapura

S/Harian  
9/4/2014  
m/s = 17

■ NORSHIKIN MOHD SALLEH & KAMARUL HALIM M KAMAL

**JOHOR BAHRU** - Kerajaan negeri bersedia memberi pandangan terhadap cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membina sebuah jambatan baharu yang dapat menghubungkan ke Singapura.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pembinaan jambatan persahabatan itu mampu mengatasi masalah kesesakan jalan raya di Tambak Johor.

Katanya, dengan adanya jambatan baharu tersebut dapat mengukuhkan lagi hubungan ekonomi Johor-Singapura yang saling melengkapi antara satu sama lain khususnya di Iskandar Malaysia.

"Dalam tempoh masa lima hingga 10 tahun yang akan datang, keadaan laluan menghubungkan ke negara jiran itu akan bertambah sesak.

"Kita perlu merancang dari sekarang untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang merentasi antara ke-



**HASNI**

dua-dua negara ini," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Penyerahan Sijil Layak Milik Tanah kepada penduduk Kampung Pasir Gudang Baru di sini, semalam

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Ir Hasni Mohammad berkata, meskipun cadangan pembinaan jambatan ketiga itu masih peringkat awal dan belum bertamad, namun ia satu platform terbaik yang akan memberi impak kedua-dua negara.

"Kita mengalu-alukan cadangan ini dan menganggap keputusan untuk membina



**Siew Kiong (tengah) menyampaikan hadiah kepada mereka yang menyertai CIP KPS yang diadakan di UTHM**

jambatan ketiga yang dianggap Jambatan Persahabatan itu adalah sesuatu yang wajar.

"Impaknya bukan hanya kepada pengguna di Tambak Johor kerana ia juga dilihat sebagai pendekatan meningkatkan lagi keberkesanan bangunan Kompleks Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang baru di mana kita dapat menggunakan sepenuhnya ruang-ruang yang sedia ada," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas mengenai kedudukan jambatan ketiga itu jelasnya, lokasi yang paling sesuai ialah di kawasan yang

sama sebelum ini bagi pembinaan jambatan bengkok yang pernah diusulkan.

"Kita melihat ia lokasi paling sesuai kerana bertepatan dengan pembangunan sedia ada, dan ia tidak akan menimbulkan sebarang penambahan dari segi kerja-kerja perancangan yang baharu.

"Ia juga dapat menampung kapasiti pengguna dianggarkan 250,000 kenderaan dari Singapura yang masuk ke Malaysia pada hujung minggu sekaligus dapat mengatasi kesesakan di Johor Bahru yang dilihat pelengkap kepada sistem

jalan raya sedia ada," katanya.

Hasni turut mengharapkan pembinaan jambatan ketiga ini dapat dimuktamadkan segera.

Di **BATU PAHAT**, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong berkata, dengan wujudnya jambatan baharu itu menjadikan terdapat 15 pintu masuk ke Johor.

"Jalan baharu ini mampu menambah jumlah pelancong kerana dapat mengurangkan kesesakan serta masa menunggu yang kini dianggar se-

lama satu hingga dua jam.

"Tahun lalu di Tambak Johor sahaja lebih 100 juta pelancong menggunakan pintu masuk berkenaan untuk ke negeri ini dan ia dijangka bertambah dari tahun ke tahun.

"Pembinaan jambatan atau jalan masuk baharu ini juga melambangkan persahabatan erat antara kedua-dua negara ini," katanya selepas merasmikan Cabaran Interaktif Pengguna (CIP) Kelab Pengguna Sekolah (KPS) Peringkat Negeri Johor.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kemukakan cadangan kepada Singapura untuk membina sebuah jambatan baharu yang menghubungkan kedua-dua negara itu sebagai inisiatif jangka masa panjang yang dijangka meningkatkan hubungan jalan raya dan menambah baik keadaan alam sekitar.

Cadangan itu dilontarkan kepada rakan sejawat Najib dari Singapura, Lee Hsien Loong sempena Perมุukiman Pemimpin Malaysia-Singapura kelima di Pejabat Perdana Menteri.